

24/05/2002

Malaysia tidak perlu bantuan tentera asing perangi keganasan

Saidon Idris

SEOUL, Khamis - Malaysia tidak akan meminta bantuan ketenteraan dari mana-mana negara asing dalam usahanya memerangi keganasan dalam negara, kata Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Malaysia berjaya menyekat kumpulan ekstremis dalam negara dan menahan mereka mengikut undang-undang penahanan.

"Kita boleh kendalikan urusan kita sendiri tanpa bantuan ketenteraan asing," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan rasminya ke Korea Selatan di sini, malam ini.

Pada sidang akhbar yang dihadiri kira-kira 30 wakil media itu, Perdana Menteri ditanya sama ada Malaysia akan meminta bantuan tentera dan kelengkapan dari Amerika Syarikat bagi memerangi keganasan seperti yang dilakukan Filipina untuk menentang kumpulan Abu Sayyaf di selatan negara itu.

Dr Mahathir berkata, pihak berkuasa Malaysia mempunyai bukti anggota kumpulan militan Malaysia (KMM) terbabit dalam kegiatan rompakan, membunuh seorang ahli politik dan cuba menjual senjata api sebelum mereka ditahan.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai hubungan Malaysia dengan Amerika yang lebih baik di bawah pentadbiran Presiden George W Bush berbanding pentadbiran Bill Clinton.

Beliau berkata, hubungan lebih baik itu kerana pentadbiran Bush tidak campur tangan dalam cara Malaysia menangani masalah dalamannya selain menghargai dasar negara terutama dalam menangani keganasan.

"Oleh kerana itu, corak hubungan sudah bertukar dan kami kini lebih memahami antara satu sama lain," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Presiden Korea Kim Dae-Jung pada sebelah pagi, Dr Mahathir berkata, perbincangan berkisar mengenai hubungan dua hala dan perlunya hubungan lebih erat antara kedua-dua negara di samping mengenai sokongan terhadap Asean+3.

Beliau berkata, mereka juga membincangkan secara am isu keganasan, termasuk punca keganasan dan cara terbaik mengatasi masalah itu.

Ditanya sama ada Malaysia mempercayai Korea Utara adalah negara penganas seperti yang didakwa Amerika, Dr Mahathir berkata: "Apa yang Malaysia tahu, tidak ada bukti jelas Korea Utara cuba menyerang sesiapa."

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai rancangan ketika ini untuk melawat Korea Utara walaupun beliau melawat negara itu ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, Presiden Kim dan beliau ada membincangkan isu pembaharuan yang dilaksanakan di Korea dan penyatuan Semenanjung Korea.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak berhasrat mewujudkan syarikat pengeluaran kereta nasional ketiga kerana ia idea itu tidak lagi bersesuaian dengan arah aliran semasa industri automotif dunia.

"Saya rasa idea bagi kereta nasional kini sudah tidak begitu sesuai lagi dengan arah aliran semasa kerana syarikat automotif kini bergabung tanpa mengira negara (asal syarikat) terbabit.

"Jadi sukar bagi kita walaupun untuk mengekalkan status kereta nasional kita," katanya.

Dr Mahathir ditanya sama ada memorandum persefahaman (MoU) antara Naza Kia Sdn Bhd dengan Kia Motors Corporation yang dimeterai tengah hari ini menjurus kepada penubuhan syarikat pengeluaran kereta nasional ketiga.

Perdana Menteri berkata, MoU itu semata-mata bagi usaha sama dalam

pemasangan dan pemasaran kenderaan Kia bagi pasaran Malaysia dan Asia Pasifik.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu belajar dari Korea Selatan, terutama mengenai kejayaan republik itu meneroka pasaran antarabangsa.

Mengenai hubungan Malaysia-Jepun, Perdana Menteri berkata, walaupun ekonomi Jepun kini tidak lagi begitu menggalakkan, ia tidak bermakna Malaysia tidak mahu lagi belajar dari negara itu.

"Kami bukan saja mahu melihat mengenai yang terbaik yang Jepun lakukan tetapi kami juga mahu mengelakkan kesilapan yang ia lakukan.

"Tetapi kami percaya (ekonomi) Jepun tidak lama lagi akan pulih kerana ia masih mempunyai kapasiti," katanya sambil menyatakan rasa puas hati dengan pencapaian Dasar Pandang ke Timur yang dilaksanakan Malaysia sejak 20 tahun lalu.

(END)